

Mengimbangi Pengajian dan Keluarga: Kisah Kecekalan Irene Jebamalar

Oleh Syasya Nur Sabiha Shahrudin



SERDANG, 30 November – Tidak ramai daripada kita berpeluang untuk menjaga ibu bapa. Namun, apabila Irene diberi peluang untuk menjaga ibu dan ayahnya yang uzur, beliau tidak teragak-agak mengambil tanggungjawab tersebut.

Graduan Sarjana Pendidikan Psikologi Pendidikan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Irene Jebamalar Thumbarayan, 40, berkata dia sedar bahawa belajar sambil menjaga bapanya yang menghidap penyakit

Parkinson dan ibunya yang uzur bukan suatu perkara yang mudah.

Irene yang telah bekerja sebagai seorang guru sekolah rendah selama 13 tahun berkongsi bahawa jadual harian beliau sebagai pelajar Sarjana sepenuh masa sangat padat kerana perlu membahagikan masa antara keluarga, pengajian, dan tanggungjawab peribadi.

“Saya pastikan keperluan ibu bapa saya tidak diabaikan walaupun saya sibuk dengan pelajaran dan hal rumah tangga. Jika ada temu janji hospital, saya cuba menyelesaikan tugas lebih awal supaya tidak bertindih dengan masa yang diperlukan untuk keluarga.” kenangnya.

Walaupun beliau cuba bersikap tabah dalam menempuhi cabaran, Irene menceritakan bahawa ada saat-saatnya yang beliau terbeban dengan emosi.



“Saya sering menangis kerana memikirkan tanggungjawab saya dan bimbang tidak dapat menyiapkan tesis tepat pada masanya. Banyak kali saya meragui kemampuan saya untuk mengatasi cabaran ini.

“Suatu hari, saya memutuskan untuk mengubah cara pemikiran. Saya bertekad bahawa cabaran ini tidak akan melemahkan saya dan berjanji untuk memberikan yang terbaik dalam pengajian dan menjaga ibu bapa kerana

saya sedar betapa pentingnya mereka dalam hidup saya.”

“Apabila anda rasa penat atau terbeban, ingatkan diri anda tentang matlamat anda. Saya percaya bahawa setiap cabaran yang kita lalui adalah sebahagian daripada rancangan Tuhan untuk membentuk kita menjadi lebih kuat dan lebih cekal.”

Kini, beliau berhasrat untuk terus memberi tumpuan kepada kerjayanya sebagai seorang pendidik, menggunakan ilmu dan kemahiran yang diperoleh sepanjang pengajian Sarjana untuk meningkatkan kualiti pembelajaran anak-anak muridnya.

Berita Lain...




Cicada serangga 'nyaring', simpan rahsia ekosistem hutan

[Baca lagi »](#)



UPM Angkat Kearifan Melayu ke Pentas Dunia

[Baca lagi »](#)



AgriHub@Gedong perkukuh inovasi pertanian pintar di Sarawak

[Baca lagi »](#)



UPM anjur Program Profesionalisme dan Penghayatan Rukun Negara perkasa jati diri pelajar

[Baca lagi »](#)



UPM kaji peranan bahasa dalam membangun kepercayaan awam terhadap dasar keterjaminan...

[Baca lagi »](#)



Pertanian Bandar Hubungkan Komuniti, Teknologi dan Kelestarian Alam

[Baca lagi »](#)

Arkib Berita

Terkini

Tahun

[2025](#)

[2024](#)

[2023](#)

[2022](#)

[2021](#)

[2020](#)

[2019](#)

[2018](#)

[2017](#)



Universiti Putra Malaysia

43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

+603-9769 1000

pspk@upm.edu.my

Media

Berita

Artikel

Video

Keratan Akhbar

Dokumen

Hubungi Kami

Maklum Balas

Lain-Lain

UPM Holdings

Nombor Plat UPM


Give to UPM

Tender dan Kontrak

Kementerian Pendidikan Tinggi

UPM AI HUB

Sustainability@UPM



[Disclaimer](#) [Privacy and Security Policy](#) [Copyright](#) [Help](#)

© 2023 Universiti Putra Malaysia